

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2015)**

TARIKH : 15 September 2015 (Selasa)
TEMPAT : Le Grandeur Palm Resort, Johor
JAM : 8.30 pg hingga 12.00 tengah hari

AGENDA:

1. Kata-kata Aluan Pengerusi Mesyuarat
2. Taklimat Aktiviti Yang Dijalankan Sepanjang Program Mesyuarat JKPPPI Bil. 3/2015
3. Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas
4. Makluman Status Tindakan Berbangkit
5. Pembentangan Program Pembudayaan Ilmu Tahunan JKR oleh Pengurus Pengetahuan Caw. Dasar dan Pengurusan Korporat
6. Perkongsian Program Pembudayaan Ilmu oleh Pengurus Pengetahuan Caw. Arkitek
7. Perkongsian Program Pembudayaan Ilmu oleh Pengurus Pengetahuan JKR Negeri Johor
8. Laporan Status CoP (Januari - September 2015) oleh En. Khairil Hizar Md Khuzaimah
9. Taklimat Cadangan Garis Panduan Kepada Pengurus Pengetahuan oleh Sr. Roznita Othman
10. Hal-Hal Lain

KEHADIRAN:

A. IBU PEJABAT

Bil	Nama Pegawai	Cawangan
1.	Ir. Hj Mohd Daud Harun (Pengerusi)	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
2.	Sr. Roznita Othman	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
3.	En. Abdul Halim Marzuki	Caw. Kerja Bangunan Am 1
4.	En. Zamhuri Ramli	Caw. Arkitek
5.	Ir. Wan Abdul Rahman Wan Hassan	Caw. Jalan
6.	Pn. Hanifah Abdullah	Caw. Kejuruteraan Elektrik
7.	Sr. Ruzali Hussain	Caw. Kerja Keselamatan
8.	Pn. Lilywati Manap	Caw. Kerja Kesihatan
9.	Ir. Fithry Mohd Amir	Caw. Kejuruteraan Mekanikal
10.	Ir. Subiah Sulaiman	Caw. Senggara Fasiliti Bangunan
11.	En. Mahalil Mohtar	Caw. Pangkalan Udara dan Maritim
12.	Pn. Samsul Khamariah Hamzah	Caw. Dasar dan Pengurusan Korporat

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2015)**

13.	En. Effendi Mohd Sood	Caw. Dasar dan Pengurusan Korporat
14.	En. Khairil Hizar Md Khuzaimah	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
15.	Pn. Ainul Hayani Mat Rasid	Caw. Kontrak dan Ukur Bahan
16.	Pn. Diana Mohd Yasin	Caw. Perancangan Aset Bersepadu
17.	Pn. Nor Akma Abdul Rahman	Caw. Kejuruteraan Awam dan Struktur
18.	En. Hasrul Mat Khatib	Caw. Senggara Fasiliti Jalan

B. JKR NEGERI

Bil	Nama Pegawai	JKR Negeri
1.	En. Razman Md Darus	Negeri Sembilan
2.	Pn. Sharifah Nor Aeiriza Syed Sharom	Pulau Pinang
3.	En. Zamani Omar	Kelantan
4.	Pn. Norayah Bakri	Johor
5.	En. Wan Mohamad Fauzi Wan Abdullah	Pahang
6.	Ir. Henry Lue Leong Shen	WP Labuan
7.	En. Mohd Hafizi Mat Akhir	Perlis
8.	En. Mohd Mazly Mahani	Melaka
9.	En. Azran Aziz	Selangor

PERBINCANGAN MESYUARAT

BIL.	PERKARA	TINDAKAN
1.0	<u>Kata Aluan Pengerusi Mesyuarat</u>	
1.1	Ir. Hj. Mohd Daud Harun, selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada semua kerana dapat hadir ke mesyuarat ini.	Makluman
1.2	Pengerusi memohon Pengurus Pengetahuan untuk memaklumkan kepada pihak Urusetia sekiranya terdapat sebarang pertukaran Pengurus Pengetahuan atau wakil ganti di pejabat masing-masing. Ini bagi memastikan kesinambungan inisiatif Pengurusan Pengetahuan di Jabatan Kerja Raya.	Pengurus Pengetahuan

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2015)**

1.3	<p>Pengerusi menekankan mengenai kepentingan pelaksanaan inisiatif Pengurusan Pengetahuan di sesebuah organisasi bagi memastikan semua pengetahuan yang kritikal dapat dikenalpasti dan disimpan secara berstruktur dan sistematik.</p> <p>Sehubungan itu, Pengerusi memohon agar Pengurus Pengetahuan memberi kerjasama dan komitmen yang penuh di dalam memastikan kejayaan inisiatif Pengurusan Pengetahuan di Jabatan. Langkah ini amat penting di dalam usaha berterusan Jabatan untuk menjadi sebuah organisasi pembelajaran.</p> <p>Sebagai perbandingan, Pengerusi memaklumkan pelaksanaan inisiatif Building Information Modelling (BIM) di Hong Kong yang memerlukan tempoh 10 hingga 12 tahun sebelum ianya diterima pakai dan digunakan secara meluas.</p>	<p>Makluman</p> <p>Pengurus Pengetahuan</p> <p>Makluman</p>
1.4	<p>Pengerusi memaklumkan mengenai perantikan Dato' Ir. Dr. Hj. Hasnul bin Mohamad Salleh selaku Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan) yang baru berkuatkuasa 14 September 2015.</p>	<p>Makluman</p>
1.5	<p>Pengerusi mengucapkan Salam Takziah kepada semua mangsa korban tragedi kren runtuh di Mekah pada 11 September 2015 di mana salah seorang daripada mangsa yang terkorban adalah kakak kepada En. Amalludin Zolkifli, Jurutera Awam Pasukan Projek Khas (Bangunan), Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat.</p>	<p>Makluman</p>
1.6	<p>Pengerusi memohon Pengurus Pengetahuan untuk merangka program yang bersesuaian seperti sesi taklimat kepada pegawai yang baru melaporkan diri di pejabat masing-masing bagi memastikan mereka mengambil maklum mengenai dokumen berkaitan termasuk prosedur operasi standard dan seterusnya dapat melaksanakan tugas dengan efektif.</p>	<p>Pengurus Pengetahuan</p>
1.7	<p>Pengerusi menerangkan mengenai proses yang terlibat di dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif seperti Pengurusan Pengetahuan di JKR yang dimulakan dengan penerangan mengenai kepentingan Pengurusan Pengetahuan dan diikuti dengan <i>output</i> inisiatif berkenaan seperti JPedia dan JCoP.</p> <p>Pengerusi menekankan keberhasilan (outcome) inisiatif Pengurusan Pengetahuan yang ingin dicapai adalah perubahan budaya kerja di kalangan warga JKR.</p>	<p>Makluman</p>

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2015)**

1.8	<p>Pengerusi memaklumkan mengenai pelancaran Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) yang telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Najib Tun Razak pada 10 September 2015.</p> <p>Pengerusi menerangkan terdapat empat teras strategic utama di dalam CITP iaitu <i>Quality, Safety and Professionalism; Environmental Sustainability; Productivity</i> dan <i>Internationalization</i>.</p> <p>Pengerusi turut memaklumkan penglibatan aktif pihak JKR di dalam inisiatif BIM yang terkandung di dalam teras strategik <i>Productivity</i>.</p>	Makluman
2.0	<p><u>Taklimat Mengenai Aktiviti Yang Dijalankan Sepanjang Program Mesyuarat JKPPPI Bil. 3/2015</u></p>	
2.1	<p>Pn. Roznita Othman menerangkan mengenai aktiviti yang telah dijalankan sepanjang program Mesyuarat JKPPPI Bil. 3/2015 seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 13 September 2015 - K-Exploration (Wiki Game) • 14 September 2015 - Knowledge Café <ul style="list-style-type: none"> K-Exploration (K-Seekers) K-Exploration (Ken-Ken Puzzle) K-Exploration (K-Workers) • 15 September 2015 - Mesyuarat JKPPPI Bil. 3/2015 <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa program-program di atas disusun bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada Pengurus Pengetahuan mengenai kepentingan inisiatif Pengurusan Pengetahuan serta kaedah dan teknik untuk menguruskan maklumat dengan lebih berkesan.</p>	Makluman
3.0	<p><u>Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas</u></p>	
3.1	<p>Mesyuarat sebulat suara menerima dan mengesahkan Minit Mesyuarat JKPPPI bil 2/2015 tanpa sebarang pindaan.</p>	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2015)**

4.0	<u>Makluman Status Tindakan Berbangkit</u>	
4.1	Lanjutan daripada penstrukturan organisasi yang telah melibatkan pertukaran tempat kerja dan perpindahan pegawai dan kakitangan ke sektor yang berbeza, Pengerusi meminta Pengurus Pengetahuan untuk merangka program yang bersesuaian bagi mempercepatkan proses pembelajaran kakitangan yang terlibat.	Pengurus Pengetahuan
4.2	Pengerusi mengingatkan semua Pengurus Pengetahuan yang masih belum menyediakan Laporan Pembudayaan Ilmu JKR 2015 (Januari - Jun) dan menghantar laporan kepada pihak Urusetia agar dapat berbuat demikian dengan kadar segera.	Pengurus Pengetahuan
4.3	Pengerusi memohon kerjasama Pengurus Pengetahuan untuk mempromosikan penggunaan JPedia dan JCoP di pejabat masing-masing dari semasa ke semasa.	Pengurus Pengetahuan & Sekretariat
4.4	Sr. Roznita Othman memaklumkan pihak Urusetia sedang giat untuk melaksanakan langkah untuk mendokumenkan penemuan dan ulasan bagi projek-projek yang memenangi Anugerah JKR.	Sekretariat
4.5	Sr. Roznita Othman memaklumkan terdapat beberapa pertukaran Pengurus Pengetahuan yang berlaku pada tahun ini dan ianya telah dimaklumkan kepada pihak Urusetia bagi penyediaan surat perlantikan Pengurus Pengetahuan yang baru.	Makluman
4.6	Pn. Roznita Othman memaklumkan pihak Urusetia telah mengadakan perbincangan dengan pihak Caw. Dasar dan Pengurusan Korporat mengenai proses migrasi Portal JCoP ke server JKR dan ianya dijangka akan dilaksanakan apabila portal baru JKR Malaysia disiapkan. Pn. Roznita seterusnya memaklumkan walaupun JCoP telah dimigrasi ke server JKR, akan terdapat masalah kerana JCoP dibangunkan dengan menggunakan pangkalan data MySQL dan ianya tidak disokong oleh pihak Bahagian Teknologi Maklumat, CDPK.	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2015)**

4.7	En. Khairil Hizar Md Khuzaimah memaklumkan pihak Urusetia telah memohon untuk mendapatkan alamat emel: eckm@jkr.gov.my daripada pihak BTM dan sedang menunggu keputusan permohonan tersebut.	Khairil Hizar Md Khuzaimah
5.0	<u>Pembentangan Program Pembudayaan Ilmu Tahunan JKR oleh Pengurus Pengetahuan Caw. Dasar dan Pengurusan Korporat</u>	
5.1	<p>Pn Samsul Khamariah Hamzah telah membentangkan cadangan Program Pembudayaan Ilmu Tahunan JKR iaitu Persada Minda @ JKR 2015.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa tema program yang dicadangkan adalah “Dari Minda ke Mata Pena” manakala slogan program adalah “Tajam Minda kerana Pena, Tajam Pena kerana Membaca”.</p> <p>Pn Samsul memaklumkan program berkenaan akan diadakan pada 20 dan 21 Oktober 2015 bertempat di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid. Senarai aktiviti yang telah dikenalpasti sepanjang program selama dua hari itu termasuklah ceramah, forum, jualan buku, pameran dan sesi demonstrasi.</p> <p>Di samping program Persada Minda @ JKR 2015, mesyuarat turut dimaklumkan mengenai aktiviti-aktiviti pembudayaan ilmu yang telah dan akan dilaksanakan oleh pihak CDPK iaitu Bengkel Apresiasi Puisi, Bengkel Literasi Maklumat, Peraduan Mewarna dan Sesi Bercerita.</p>	Makluman
6.0	<u>Perkongsian Program Pembudayaan Ilmu oleh Pengurus Pengetahuan Cawangan Arkitek</u>	
6.1	<p>En. Zamhuri Ramli telah membentangkan Program Pembudayaan Ilmu di Cawangan Arkitek yang antara lain merangkumi dua aspek teras iaitu:</p> <p>a) Perancangan, Pelaksanaan dan Pemantauan Program Pembudayaan Ilmu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mekanisme untuk Merancang, Melaksana dan Memantau Pembudayaan Ilmu • Lantikan Pegawai Pembudayaan Ilmu • Perancangan Program Pembudayaan Ilmu, • Pelaksanaan Program Pembudayaan Ilmu oleh JKPPPI di peringkat Cawangan Arkitek 	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2015)**

6.2	<p>b) Program Pembudayaan Ilmu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Program Knowledge Sharing • Penyediaan bahan rujukan • Sistem Pengurusan Pengetahuan • Bengkel Dokumentasi/Penambahbaikan proses kerja <p>Susulan daripada pembentangan oleh En. Zamhuri, Pengerusi mencadangkan agar setiap pejabat menyediakan sebuah pusat sumber untuk kegunaan semua.</p>	Pengurus Pengetahuan
7.0	<p><u>Perkongsian Program Pembudayaan Ilmu oleh Pengurus Pengetahuan JKR Negeri Johor</u></p>	
7.1	<p>Pn. Norayah Bakri telah membentangkan Program Pembudayaan Ilmu di JKR Negeri Johor.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan aktiviti pembudayaan ilmu dijalankan secara berkala dan tersusun di JKR Negeri Johor dan ianya dikawalselia oleh Bahagian Penyelarasan & Khidmat Sokongan, JKR Negeri Johor.</p> <p>Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa JKR Negeri Johor mempunyai sebuah pusat latihan yang lengkap termasuk sebuah perpustakaan bagi kegunaan warga JKR Negeri Johor.</p>	Makluman
8.0	<p><u>Laporan Status CoP (Januari - September 2015) oleh En Khairil Hizar Md Khuzaimah (Januari - September 2015)</u></p>	
8.1	<p>En Khairil Hizar Md Khuzaimah telah membentangkan laporan status JCoP terkini (Januari - September 2015).</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan sepanjang tempoh 10 Ogos 2015 hingga 11 September, statistik penggunaan JCoP (berdasarkan kepada Google Analytics) adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Sessions</i> 3,636 • <i>Users</i> 3,031 • <i>Page Views</i> 11,383 • <i>Pages/session</i> 3.13 <p>Mesyuarat turut dimaklumkan sehingga 14 September 2015, pengguna berdaftar JCoP adalah seramai 951 orang di mana 52 pengguna telah merekodkan lebih daripada 2,000 <i>points</i>. Di samping itu, sebanyak 3,188 <i>posts</i> telah direkodkan yang merangkumi 922 soalan, 1705 jawapan dan 561 komen daripada 5 domain CoP.</p>	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2015)**

<p>9.0</p> <p>9.1</p>	<p><u>Taklimat Cadangan Garis Panduan Kepada Pengurus Pengetahuan oleh Sr. Roznita Othman</u></p> <p>Sr Roznita Othman telah membentangkan cadangan “Garis Panduan Kepada Pengurus Pengetahuan” yang menggariskan peranan dan tanggungjawab Pengurus Pengetahuan di JKR.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan terdapat tiga bidang utama yang perlu diberi perhatian oleh Pengurus Pengetahuan di JKR iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Knowledge Repository</i> • <i>Knowledge Transfer</i> • <i>Knowledge Aset Management</i> <p>Di samping itu, mesyuarat turut dimaklumkan Pengurus Pengetahuan perlu memainkan peranan penting di dalam empat perkara iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Advocate knowledge sharing</i> • <i>Promote KM tools</i> • <i>Contribute to knowledge base</i> • <i>Manage knowledge assets and relationships</i> <p>Sr. Roznita memaklumkan Petunjuk Prestasi Utama yang telah dicadangkan untuk Pengurus Pengetahuan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menguruskan aktiviti perkongsian pengetahuan sebanyak lima (5) kali setahun seperti ceramah, taklimat dan program latihan. • Menyertai semua aktiviti yang berkaitan dengan Pengurusan Pengetahuan termasuk bengkel, mesyuarat, program lawatan dan Knowledge Café • Memberi sokongan dan komitmen kepada semua aktiviti berkaitan Pengurusan Pengetahuan iaitu memberi input, bantuan, promosi dan maklumbalas 	<p>Pengurus Pengetahuan</p>
<p>10.0</p> <p>10.1</p>	<p><u>Hal-hal lain</u></p> <p>Sr. Roznita Othman memaklumkan mengenai cadangan usahasama di antara pihak Urusetia dan pihak CDPK untuk memperkenalkan inisiatif Sudut Bacaan di setiap pejabat.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan cadangan ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dengan Pn. Samsul Khamariah.</p>	<p>Makluman</p>

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2015)**

10.2	<p>En. Effendi memaklumkan mengenai inisiatif Perkongsian Pengetahuan yang dijalankan oleh Bahagian Sekretariat CDPK pada setiap dua minggu di pejabat berkenaan bagi menggalakkan aktiviti perkongsian pengetahuan di kalangan warga CDPK.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan aktiviti tersebut dilaksanakan dengan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai medium penyampaian dan ianya merangkumi pelbagai topik.</p> <p>Pengerusi memaklumkan pihak Bahagian Pengurusan Projek Kompleks (PROKOM), CPAB pernah melaksanakan program “Book Review” bagi menggalakkan perkongsian pengetahuan di pejabat berkenaan.</p>	Makluman
10.3	<p>Sr. Ruzali Hussain memaklumkan mengenai kepentingan untuk menerapkan nilai-nilai murni di kalangan warga Jabatan di dalam pembentukan sahsiah yang baik.</p> <p>Sr. Ruzali mencadangkan agar inisiatif Project Lessons Learned dapat diperluaskan bagi mendokumenkan kejayaan menangani isu yang dihadapi oleh sesebuah projek.</p> <p>Susulan daripada cadangan itu, Pengerusi memaklumkan PROKOM telah menjalankan inisiatif Project Lessons Learned ke atas beberapa projek iaitu UPNM, Sukma Perlis, Projek Hospital Kuala Lumpur dan Projek Hospital Shah Alam. Bagi projek akan datang yang telah dikenalpasti adalah Projek Fakulti Pergigian UiTM Kampus Sungai Buloh.</p>	Makluman Sekretariat
10.4	<p>Ir. Wan Abdul Rahman Wan Hassan dari Cawangan Jalan memaklumkan yang pejabat berkenaan mempunyai pelbagai dokumen teknikal serta senarai lukisan standard yang boleh dimuatnaik ke dalam portal JPedia.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Cawangan Latihan dan Inovasi telah mencadangkan agar proses hak cipta didaftarkan ke atas dokumen-dokumen berkenaan.</p>	Makluman
10.5	<p>En. Mohd Mazly Mahani dari JKR Negeri Melaka mencadangkan agar konsep wakaf buku diperkenalkan bagi membolehkan warga JKR yang berminat untuk mewakafkan buku ataupun sumbangan wang (untuk tujuan pembelian buku). Langkah ini akan dapat menggalakkan budaya membaca di kalangan warga JKR.</p>	Makluman

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN
PEMBUDAYAAN ILMU JKR (BIL. 3/2015)**

11.0	<u>Penutup</u>	
11.1	Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan juga maklumbalas yang telah diberikan. Mesyuarat ditangguhkan kepada tarikh yang akan diberitahu kelak.	

Disediakan oleh:



.....
KHAIRIL HIZAR MD KHUZAIMAH
Penolong Pengarah Kanan
Unit ECKM
Caw. Perancangan Aset Bersepadu

Disemak oleh:



.....
Sr ROZNITA OTHMAN
Ketua Unit ECKM
Caw. Perancangan Aset Bersepadu